

## **BAB 3**

### **MASALAH DALAM PROGRAM PEMULIHAN SOSIAL BAGI PELACURAN**

Dalam Bab 3 ini akan menganalisis pelaksanaan program pemulihan sosial di pusat pemulihan Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau. Setiap tahap dalam proses pelaksanaan kegiatan program pemulihan sosial, terdapat masalah yang penting untuk diketahui dan dicarikan usaha penyelesaiannya. Masalah dalam razia<sup>1</sup> sebagai usaha menegakkan undang-undang ialah kordinasi dalam penyelamatan, sasaran dan tempat razia. Dalam tahap pendekatan awal, terdapat masalah pengaturan dalam tahap orientasi dan identifikasi, motivasi dan seleksi, dan penerimaan klien ketika masuk ke pusat pemulihan. Dalam acara pemulihan sosial, terdapat pula masalah dalam bimbingan fizikal, kaunseling, dan bentuk pendidikan yang kurang seimbang, dan masalah dalam latihan kemahiran. Dengan demikian, dapat diketahui keadaan dan potensi di dalam pusat pemulihan sosial, sehingga dapat ditunjukkan faktor-faktor yang menjadi masalah dalam setiap program kegiatan di dalam pusat pemulihan sosial.

---

<sup>1</sup> Istilah razia, baik di Indonesia maupun Malaysia, digunakan untuk menunjukkan operasi serbuan atau tangkapan dengan tujuan untuk menegakkan undang-undang.

## 1. RAZIA: MENEGAKKAN UNDANG-UNDANG

Pemulihan sosial yang dilaksanakan di satu negara, mempunyai dasar hukum yang kuat<sup>2</sup>. Sumber hukum ini dapat menentukan arah, bentuk, proses, dan pencapaian pemulihan sosial. Oleh itu, pemulihan sosial hanya dapat diwujudkan dengan menegakkan undang-undang dan peraturan sesuai dengan keperluan untuk menentukan dasar dan program pembangunan sosial.

Bagaimanapun, pelaksanaan kegiatan pemulihan sosial di Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau diselaraskan dengan ketentuan undang-undang, dan tidak ada kegiatan yang dimungkinkan menyimpang dari aturan kerajaan. Undang-undang dan peraturan berfungsi sebagai landasan kegiatan dalam setiap tahap pemulihan sosial, dan yang penting dalam pelaksanaannya adalah bagaimana menegakkan undang-undang sesuai dengan dasar kerajaan. Di Indonesia, undang-undang yang melarang pelacuran belum ada, dan juga tidak ada larangan terhadap orang-orang yang melakukan hubungan seks sebelum perkahwinan. Larangan yang ada, dan telah diatur atau diancam dengan hukuman adalah praktik 'Germo'.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Undang-Undang dan Peraturan di Indonesia dan Malaysia merupakan sumber hukum yang kuat dalam menjalankan semua kegiatan pemerintahan, termasuk pemulihan sosial (lihat, Lembaran Daerah Khusus Ibukota Jakarta, No. 72 Tahun 1989; Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973; Dasar Kebajikan Masyarakat Negara.

<sup>3</sup> Istilah germo atau mucikari (di Indonesia) sama dengan 'bapa ayam' (di Malaysia), berkaitan dengan Pasal 296 Kitab Undang-undang Hukum Pidana(KUHPP). Pada pasal 506 KUHP, menyatakan bahawa razia terhadap masalah pelacuran dilakukan berdasarkan Peraturan Daerah.

Dalam usaha menegakkan undang-undang, pemulihan sosial di Indonesia dan Malaysia mempunyai asas kuat kepada falsafah bangsa dan dasar negara<sup>4</sup>. Bagaimanapun, kerajaan menganggap perlu untuk menyediakan perlindungan dan perkhidmatan bagi wanita dan gadis yang mengalami masalah sosial maupun moral. Dasar dan tujuan pemulihan sosial di Indonesia dan Malaysia menunjukkan masalah moral (lihat, Jadual 2.1).

Bagaimanapun, falsafah bangsa di kedua negara pada asasnya menekankan pentingnya nilai-nilai moral dan ketuhanan, yang menunjukkan bahawa agama sebagai sumber ajaran dalam menjalankan semua kegiatan manusia. Nilai-nilai ketuhanan ini tercermin dalam undang-undang dan peraturan kerajaan, dan norma masyarakat yang mempunyai fungsi mengatur tingkah laku warga masyarakat. Dengan demikian, undang-undang mempunyai kedudukan utama dalam mengatur, dan memberikan perlindungan bagi wanita dan gadis yang mengalami masalah sosial (pelacuran). Langkah-langkah perlindungan yang dilakukan adalah usaha menyelamatkan, mengenal, dan memilih diantara mereka yang melakukan tindakan '*salah moral*'<sup>5</sup>.

---

<sup>4</sup> Rumusan falsafah bangsa Indonesia ialah Pancasila, sedangkan di Malaysia dikenal sebagai Rukun Negara

<sup>5</sup> Salah moral dapat diartikan, tidak berakhlak, tingkah laku sangat buruk, bertentangan dengan ciri-ciri akhlak yang dianggap baik (Kamus Dewan, Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989).

Dalam menilai apakah benar seorang pelacur telah melakukan 'salah moral', masih memerlukan pemeriksaan lebih lanjut. Masalahnya, pelacur mungkin memberikan pengakuan yang palsu, sebagai usaha untuk menunjukkan bahawa mereka tidak bersalah. Usaha untuk mempertahankan diri bagi setiap orang selalu wujud. Keadaan seperti ini, sukar bagi Polis untuk memastikan seseorang adalah salah disisi undang-undang. Oleh itu, untuk tujuan pembuktian, perlu pemeriksaan kesihatan (vagina), setelah berada di pusat pemulihan sosial.

#### **1.1. Kordinasi Dalam Penyelamatan**

Bentuk penyelamatan yang dilakukan oleh ke dua negara ada perbezaan dan persamaan. Namun, matlamat akhirnya adalah untuk memulihkan klien agar memiliki rasa harga diri, sehat jasmani dan rohani, memiliki kemahiran kerja, dan dapat melaksanakan fungsi sosialnya secara wajar dalam kehidupan masyarakat. Prosedur kemasukan klien ke pusat pemulihan sosial melalui; razia yang dilakukan oleh polis bersama pasukannya, klien diserahkan oleh ibu bapa, klien memohon perlindungan atau menyerahkan diri, hasil motivasi dari pekerja sosial masyarakat, dan penyerahan dari Jabatan/institusi sosial yang bekerja sama dengan pusat pemulihan.

Bagaimanapun, selama kedua pusat pemulihan ini didirikan (Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau), hanya sebahagian kecil pelacur, yang

dengan kesedarannya sendiri datang dan mendaftarkan diri untuk ikut program pemulihan sosial. Oleh itu, kerajaan mengambil inisiatif membentuk pasukan kordinasi bekerjasama dengan berbagai pihak jabatan kerajaan yang berkaitan, untuk melakukan serbuan terhadap pelacuran.

Prosedur kemasukan klien di kedua pusat pemulihan ini sudah ditentukan berdasarkan Akta (di Malaysia) dan Peraturan Daerah (di Jakarta). Perbezaan ini menunjukkan bahawa asas undang-undang dan peraturan yang dijadikan pedoman kordinasi untuk melaksanakan operasi penyelamatan pelacur, lebih kuat di Malaysia dibandingkan di Indonesia. Bagaimanapun, Akta dijadikan pedoman secara nasional (di Malaysia), sedangkan peraturan daerah hanya berlaku di wilayah negeri masing-masing dan mahkamah tidak ambil bahagian dalam hal ini. Peraturan daerah hanya bersifat mengatur penangkapan untuk di kawasan tertentu, seperti pinggir taman atau jalan dan tempat hiburan.

Di Malaysia, pasukan kordinasi terdiri dari polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam, dan Mahkamah. Kemasukan calon klien ke Taman Seri Puteri Rembau di lakukan dengan dua cara.

### **1) Perintah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973**

Di bawah perintah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, polis sebagai petugas diperintahkan untuk mengawal keselamatan negara, membuat serbuan ke kawasan yang dianggap kotor dan maksiat, seperti kelab malam, rumah urut dan hotel. Matlamat menangkap gadis di bawah 21 tahun, untuk disoal siasat. Apabila dalam siasatan gagal di jawab klien, pegawai polis akan menyerahkan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai pelindung untuk menjalankan siasatan awal. Untuk siasatan lebih lanjut, klien sementara di tahan selama sebulan di Taman Seri Puteri Cheras. Penahanan ini mempunyai matlamat untuk memberi peluang kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang menjadi pelindung untuk menjalankan siasatan, dan mengkaji latar belakang klien, dan membuktikan apakah benar klien ini terdedah kepada bahaya moral.

### **2) Di bawah perintah Mahkamah Syariah**

Berdasarkan perintah Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) berhak melakukan serbuan terhadap pelacuran yang dikatakan berkhalwat (terlampir). Berdasarkan keputusan Mahkamah, klien diperintahkan masuk pusat pemulihan sementara biasanya di Taman Seri Puteri Cheras, untuk menjalankan siasatan selama 1-3 bulan menurut arahan hakim bagi negeri masing-masing. Dalam siasatan akan

menentukan apakah klien diserahkan kepada keluarga atau masuk ke pusat pemulihan sosial di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (selama 3 tahun). Kemasukan melalui perintah Mahkamah Syariah, bagi gadis di bawah 18 tahun yang ditangkap kerana kesalahan berkhawat, di bawah Seksyen 157 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan yang boleh dikenakan denda tidak boleh kurang daripada RM 500 bagi kesalahan pertama<sup>6</sup>.

Di Jakarta Indonesia, pasukan kordinasi terdiri dari pegawai Kebajikan Sosial, dan Kamtib (Keamanan dan Ketertiban, terdiri dari pegawai Pemerintah Daerah Jakarta, Tentera dan Polis). Perbezaan jelas menunjukkan bahawa unsur Jabatan Agama Islam (di Jakarta) tidak mempunyai peranan dalam operasi. Pendekatan yang dilakukan oleh pasukan kordinasi ini menggunakan pendekatan keamanan dan ketertiban. Hubungan dalam sistem kordinasi penyelamatan masalah pelacuran di Indonesia dan Malaysia dapat digambarkan seperti pada Rajah 3.1.


---

<sup>6</sup> Lihat Lampiran 3, Utusan Melayu 13 September 1993


### Rajah 3.1

#### Kordinasi Penyelamatan Bagi Masalah Pelacuran Di Indonesia Dan Malaysia

A. Di Indonesia:



B. Di Malaysia:



Keterangan:

Kamtib	=	Keamanan dan Ketertiban (tentera)
Pemda DKI	=	Pemerintah Daerah Khusus Ibukota Jakarta
JAI	=	Jabatan Agama Islam
JKM	=	Jabatan Kebajikan Masyarakat
TSPR	=	Taman Seri Puteri Rembau

Tujuan dibentuknya pasukan kordinasi pada kedua negara ini adalah: 1) untuk melakukan razia terhadap pelacur yang melakukan kegiatan pelacuran secara liar di tempat-tempat umum; 2) Dan khas di Jakarta, razia ditujukan untuk membantu pusat pemulihan Mulya Jaya mendapatkan klien yang tidak mungkin dilaksanakan sendiri. Di Malaysia, sasaran operasi penyelamatan adalah pelacur berusia antara 16-21 tahun. Sejalan dengan tujuan itu, penyelamatan berfungsi sebagai satu bentuk kaedah untuk menegakkan undang-undang, yang telah dilaksanakan dan terus dijalankan dari masa ke semasa.

Masalah kordinasi dalam penyelamatan diantaranya yang penting ialah terdapat perbezaan pada asas undang-undang, dan prosedur atau syarat kemasukan klien ke pusat pemulihan sosial. Persamaannya, terletak pada matlamat penyelamatan iaitu menegakkan undang-undang yang berfungsi untuk memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis yang bermasalah sosial, khasnya masalah pelacuran.

## **1.2. Sasaran Dan Tempat Razia**

Secara lebih spesifik, razia di Malaysia dilakukan oleh pihak berkuasa untuk menyelamatkan wanita dan gadis yang melakukan kegiatan pelacuran, baik di tempat umum ataupun secara tertutup, seperti di pinggir jalan, tempat hiburan, sampai di hotel-hotel<sup>7</sup>. Bagi mereka yang ditangkap, dibawa ke

---

<sup>7</sup> Lihat Lampiran 3, Berita Harian, 12 September 1995.

Mahkamah Syari'ah, dan di proses untuk diberikan perlindungan di Taman Seri Puteri Rembau. Mengikut Akta Perlindungan Wanita dan Gadis tahun 1973, masalah pelaksanaan razia dan hukuman di Malaysia hanya ditujukan kepada yang berumur 21 tahun ke bawah sahaja (Lampiran 1), sedangkan kebanyakan kegiatan pelacuran dilakukan oleh mereka yang berumur lebih dari 21 tahun.

Di Jakarta, penangkapan dilakukan di semua wilayah (Utara, Timur, Barat, Selatan, dan Pusat), terutama pada sekitar bulan Februari/Maret dan September/Oktober, dan biasanya dilakukan pada malam hari, jam 10-2 malam. Operasi hanya dilakukan di tempat-tempat terbuka, yang telah ditetapkan oleh Peraturan Daerah sebagai tempat terlarang<sup>8</sup>. Penangkapan yang dilakukan bersifat kolektif, pada masa yang sama untuk mendapatkan klien baru dengan jumlah yang banyak, kerana telah berakhirnya proses pemulihan di Mulya Jaya.

Walau bagaimanapun, *penangkapan* dilakukan petugas dengan cara yang menarik, menggunakan kereta bagus dan tidak memakai pakaian pejabat. Operasi hanya dilakukan di tempat umum, seperti pinggir jalan, pasar dan tempat hiburan, sesuai dengan peraturan daerah. Namun masalahnya, penangkapan tidak pernah dilakukan di hotel, sebagaimana yang dilakukan di Malaysia; dan para pelacur sudah banyak mengetahui waktu pasukan akan melakukan razia. Oleh itu, mereka berhati-hati agar tidak terkena razia<sup>9</sup>.

---

<sup>8</sup>Lihat, lampiran 1: Peraturan Pemerintah Daerah No. 11 Tahun 1988.

<sup>9</sup>Kaedah ini digunakan untuk menarik perhatian para pelacur, dengan memainkan peranan sebagai calon pelanggan (temubual dengan Pengetua Pusat Pemulihan Mulya Jaya, Arnety Usman, 26 Ogos 1995).

Hasil penangkapan dari lima wilayah di Jakarta, dalam masa satu minggu dapat mencapai jumlah 170 orang. Pelacur yang tertangkap, dibawa ke Pejabat Daerah untuk diseleksi selama 4-5 hari, apakah benar-benar terlibat sebagai pelacur atau tidak. Bagi yang terlibat, dikirim terus ke pusat pemulihan Mulya Jaya. Bagaimanapun, penangkapan hanya lebih ditujukan kepada 'pelacur jalanan', tidak pernah dilakukan kepada para pelacur 'kelas atas'. Masalahnya, pelacur kelas bawah ini tidak mengetahui peraturan; mengapa mereka ditangkap. Selain itu pula, pasukan kordinasi tidak melibatkan unsur Jabatan Agama Islam, sebagaimana yang dilakukan di Malaysia.

## 2. PENGATURAN DALAM PENDEKATAN AWAL

Pendekatan awal merupakan satu tahapan kegiatan yang dilakukan sebelum klien masuk ke dalam pusat pemulihan. Pendekatan awal perlu untuk mengetahui latar belakang kehidupan, keadaan dan potensi klien; dan menyiapkan semua bentuk keperluan hidup seharian seperti bilik tidur. Sebelum pengaturan dilakukan, pusat pemulihan menciptakan hubungan keluar guna mencari 'sumber sosial'<sup>10</sup>. Bagaimanapun, semua kegiatan yang dilakukan dalam tahap awal, sangat menentukan pencapaian pada tahapan proses

<sup>10</sup> Sumber sosial ialah bantuan dan kerjasama dari berbagai Badan Kerajaan, swasta dan organisasi seperti juru runding, kewangan dan barangan (Temubual dengan Pengetua Pusat pemulihan Mulya Usman, 10 April 1995; Pengetua Taman Seri Puteri Rembau, Norbayah bte Ariffin, 8 Ogos

selanjutnya. Oleh itu, setiap kegiatan yang dilakukan, perlu memperhatikan waktu yang digunakan, dan motivasi setiap klien perlu diketahui sejak awal lagi.

Pelaksanaan kegiatan dalam pendekatan awal, dilakukan terhadap para klien, sebelum resmi menjadi calon penghuni. Dalam kegiatan ini, peranan petugas sangat menentukan, apakah seorang klien memenuhi syarat atau tidak untuk masuk ke dalam pusat pemulihan sosial. Selain itu, pendekatan awal juga ditujukan untuk mendapatkan dukungan dan bantuan dalam melaksanakan program sesuai dengan potensi dan sumber perkhidmatan yang tersedia, baik di dalam maupun di luar pusat pemulihan sosial.

Gambaran mengenai bentuk kegiatan dalam pendekatan awal, ialah orientasi dan identifikasi, motivasi dan seleksi dapat dilihat pada Jadual 3.1.

**Jadual 3.1**

**Bentuk Kegiatan Dalam Pendekatan Awal  
Di Mulya Jaya Dan TSP Rembau**

---

Bentuk	Mulya Jaya	TSPR
<b>1. <u>Orientasi dan Identifikasi</u></b>		
Keluar: Kerjasama dengan Instansi Kerajaan dan organisasi sosial	Sebelum klien masuk pusat	Setelah klien di dalam pusat
Kedalam: Klien mengenal keadaan pusat	Waktu singkat (3-7 hari)	Waktu lama (1-3 bulan)
Latar belakang klien dan keluarga Kesihatan, ekonomi.	keluarga, pendidikan, kesihatan, dan ekonomi.	Peribadi dan keluarga,
<b>2. <u>Motivasi dan Seleksi</u></b>		
	keluarga dan klien	keluarga dan klien
	apakah klien benar-benar pelacur	menentukan kategori masalah klien

---

## 2.1. Orientasi Dan Identifikasi

Kegiatan orientasi dilakukan baik diluar ataupun di dalam pusat pemulihan. Di luar pusat pemulihan, orientasi dilakukan untuk menjalin hubungan dengan Pejabat Daerah, jabatan kerajaan, syarikat swasta, dan organisasi sosial masyarakat yang berkaitan dengan usaha mendapatkan bantuan/dukungan untuk mencari calon klien. Di dalam pusat pemulihan, Mulya Jaya, orientasi dilakukan dengan menggunakan tiga kaedah:

- 1) Jebakan dilakukan dengan teknik menuduh secara langsung kepada klien, misalnya mengatakan bahawa klien memang benar seorang pelacur, sebab pada waktu terjadinya razia klien berada ditempat itu pada waktu tengah malam dengan berpakaian yang tidak sopan.
- 2) Bujukan dilakukan secara lembut agar klien mengaku, benar seorang pelacur, se akan-akan petugas mengetahui bahawa klien sudah menjalankan perbuatan ini sejak lama.
- 3) Sock therapy, dilakukan terakhir untuk memastikan klien seorang pelacur atau bukan. Melalui pemeriksaan air kencing, darah, dan Vagina. Misalnya air kencing untuk mengetahui mengandung, darah untuk mengetahui penyakit aids dan vagina berhubungan dengan penyakit luar seperti gonorrhoe, tricomonas,

candida dan garnerella. Untuk mengetahui ini pihak pusat pemulihan dengan pihak jabatan kesihatan<sup>11</sup>.

Dalam orientasi, petugas memperhatikan sikap dan tingkah laku klien. Perhatian ditujukan kepada klien yang menunjukkan ciri-ciri, seperti tingkah laku agresif, berupaya mencari jalan apapun untuk melarikan diri dari pusat pemulihan, menangis dan menjerit, pandangan yang kosong. Ada diantaranya yang berpura-pura sakit atau pingsan, sebab dengan bertingkah laku seperti itu mereka mengharapkan dapat dikeluarkan dari pusat pemulihan. Selain itu, dapat dilihat juga bagaimana hubungan mereka dengan teman, cara berpakaian dan berbicara<sup>12</sup>. Di Taman Seri Puteri Rembau, masalah dalam masa orientasi, klien menunjukkan sikap tidak menerima untuk tinggal di pusat pemulihan, dan tidak mau menerima pekerjaan apapun yang diberikan oleh petugas. Artinya, belum mau menyesuaikan diri dengan persekitaran<sup>13</sup>.

Identifikasi dilakukan setelah klien berada di dalam pusat pemulihan (3-4 hari di Mulya Jaya; 1-3 bulan di Taman Seri Puteri Rembau). Identifikasi di Mulya Jaya, ditujukan untuk memperoleh data yang lebih terperinci mengenai latar belakang keluarga, pendidikan dan ekonomi, kesihatan, dan melihat kemampuan klien. Masalah dalam tahap ini, calon seringkali memberikan data

---

<sup>11</sup> Temubual dengan Dra. Arnetty Usman, Pengetua Pusat Pemulihan Mulya Jaya, 22 Ogos 1995; Pengetua Taman Seri Puteri Rembau, Norbayah Bte Ariffin, 8 Ogos 1995.

<sup>12</sup> Temubual dengan Sulastri (pegawai Mulya Jaya), 26 Ogos 1995.

<sup>13</sup> Temubual dengan Zakiah Bt Dol Rahman (Pegawai Taman Seri Puteri Rembau), 9 November 1995.

palsu. Oleh itu, bagi yang tidak mau mengaku sebagai pelacur, dilakukan pemeriksaan kesihatan dan vagina untuk menentukan pelacur atau bukan<sup>14</sup>. Di Taman Seri Puteri Rembau, identifikasi merupakan kegiatan lanjutan dari data yang didapat dari keputusan Mahkamah. Keadaan latar belakang peribadi, keluarga dan lainnya ditanyakan langsung kepada klien, sewaktu datang ke pusat pemulihan sosial.

Dalam identifikasi, pengumpulan data mengenai klien dilakukan dengan :

1) menentukan hari kunjungan keluarga klien (ayah, ibu dan kakak-adik kandung), setiap hari Rabu. 2) Perkhidmatan umum untuk masyarakat yang ingin mengetahui informasi tentang keberadaan calon penerima perkhidmatan atau hal-hal yang berkaitan, dilakukan pada hari Isnin, Selasa dan Kamis. Kunjungan keluarga di Taman Seri Puteri Rembau, dapat dilakukan setiap hari dengan menunjukkan kad pengenalan sebagai keluarga.

## **2.2. Motivasi Dan Seleksi**

Motivasi<sup>1</sup> merupakan satu kegiatan yang dilakukan untuk memberikan dorongan dan menumbuhkan minat, bakat dan kemauan para klien agar mau menerima program yang ditawarkan oleh pusat pemulihan. Bentuk motivasi yang dilakukan adalah:

---

<sup>14</sup> Temubual dengan Sulastris (pegawai Mulya Jaya), 24 Ogos 1995.

<sup>1</sup> Motivasi merupakan dorongan, keinginan atau tenaga penggerak yang berasal dari dalam diri manusia untuk melakukan sesuatu (R. Soetarno, 1991).

1) Motivasi yang ditujukan kepada klien bertujuan untuk memperkenalkan tugas, program dan matlamat pusat pemulihan dengan menggunakan pendekatan perseorangan secara tatap muka, dan diskusi kelompok.

2) Motivasi kepada keluarga berkaitan dengan pemberian informasi yang berkaitan dengan pentingnya pembinaan terhadap klien. Masalah dalam tahap ini, keluarga ada yang menggunakan pihak berkuasa (Tentera atau Polis) untuk mengeluarkan calon klien dari pusat pemulihan<sup>15</sup>.

Di Mulya Jaya, seleksi ditujukan untuk memilih, mengelompokkan dan menentukan apakah klien benar-benar seorang pelacur. Seleksi calon klien disesuaikan dengan persyaratan yang telah ditentukan<sup>16</sup>. Namun, dalam praktik, tidak semua persyaratan dipenuhi, misalnya ada pelacur yang mengandung, cacat fizikal dan sakit jiwa, usia 40 tahun, tetap diterima masuk pusat pemulihan. Di Taman Seri Puteri Rembau, tidak semua klien adalah pelacur. Dengan demikian, seleksi yang dilakukan bertujuan untuk menentukan apakah klien pelacur atau bukan. Bagi calon klien yang tidak mengaku pelacur,

---

<sup>15</sup> Temubual dengan Pak Ojo, Kepala Tata Usaha Mulya Jaya, 6 Jun 1995.

<sup>16</sup> Persyaratan yang penting di antaranya adalah:

- 1) Berlatar belakang pelacuran
- 2) Berusia 15-35 tahun.
- 3) Sihat badan, dan jiwa.
- 4) Tidak sedang berurusan dengan polis.
- 5) Tidak mengandung.
- 6) Masih mungkin untuk dipulihkan, dalam erti bersedia tinggal, di dalam asrama dan mengikuti latihan kemahiran sosiala selama 6 bulan.

(Arnetty Usman, Penanganan Masalah Sosial Tuna Susila Di DKI Jakarta Indonesia, Departemen Sosaial RT 1995).

dilakukan pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh (darah, urine, vagina dan keputihan)<sup>17</sup>. Masalah yang wujud adalah penggabungan pelacur dengan yang bukan pelacur dapat saling mempengaruhi. Misalnya, bagi klien yang ditinggalkan kekasih akan lari menjadi pelacur, anak degil juga dihantar ke pusat pemulihan ini. Latar belakang kehidupan mereka berbeza, dan penggabungan disini menjadi tempat bertukar informasi dan pengalaman.

### **3. PENERIMAAN**

Penerimaan dan kemasukan klien ke dalam pusat pemulihan sosial merupakan sebahagian dari tahap dalam proses pemulihan sosial. Secara umum, proses penerimaan di kedua pusat pemulihan, mencakupi tiga tahap kegiatan. Di Mulya Jaya, pelacur yang terkena razia dari masyarakat dilakukan pendaftaran, pengungkapan dan pemahaman masalah, dan penempatan dalam rumah (pusat pemulihan sosial). Sedangkan di Taman Seri Puteri Rembau, penerimaan berdasarkan keputusan mahkamah, penerimaan, pendaftaran nama; penempatan dan pengungkapan masalah, dan penempatan kelas. Gambaran mengenai proses penerimaan, dapat dilihat seperti yang digambarkan pada Rajah 3.2.

---

<sup>17</sup>Pemeriksaan kesihatan dirujuk ke Dokter dan Hospital, kerana tidak semua pemeriksaan dapat dilakukan di Taman Seri Puteri Rembau. Temubual dengan Sariah (pegawai kesihatan), 9 November 1995.

**Rajah 3.2**

**Proses Penerimaan Dalam Pusat Pemulihan Sosial**



### **3.1. Pendaftaran**

Kegiatan ini mencatat data calon klien yang berhubungan dengan latar belakang kehidupan dan berbagai masalah sosial, ekonomi, pendidikan, kesehatan dimasukkan ke dalam buku pendaftaran induk. Kegiatan ini dilakukan setelah calon klien memenuhi semua ketentuan dan persyaratan untuk masuk dalam pusat pemulihan dan penempatan klien pada unit-unit asrama. Masalah yang dihadapi dalam penerimaan kebanyakan mereka tidak memiliki kad pengenalan dan tidak dapat berbahasa Indonesia (di Mulya Jaya), kerana kebanyakan tidak bersekolah tinggi. Dan banyak lagi mereka tidak memberikan alamat yang pasti alasannya mereka tidak tahu dan berdiam diri kerana merasa takut diketahui sama orangtua atau keluarga mereka sebab, selama ini pihak keluarga tidak mengetahui perbuatan mereka sebagai pelacur. (Lampiran 4).

### **3.2. Pengungkapan dan pemahaman masalah**

Kegiatan ini dilakukan untuk mengetahui faktor penyebab masalah, tanggapan, kekuatan dan kelemahan diri klien. Pengelompokan calon klien dilakukan menurut minat dan bakat, dengan membagi 10 klien dibimbing oleh 3 orang petugas dalam kelompok binaan dan pengawasan. Dalam setiap kumpulan, selalu dilakukan temu bual dan hasilnya disusun dalam bentuk laporan kes. Masalahnya adalah kerana klien tidak dapat membaca dan menulis, sehingga agak susah untuk menentukan antara minat dan bakat dengan kemampuan yang dimiliki oleh klien.

### **3.3. Penempatan**

Klien masuk asrama dilakukan setelah memenuhi persyaratan yang sudah ditentukan oleh lembaga. Satu bilik asrama ditempati 10-14 orang klien, di awasi oleh seorang petugas yang bertanggung jawab terhadap semua masalah yang berkaitan dengan diri klien. Semua klien akan memilih seorang pemimpin, yang berfungsi untuk mengawasi dan mengatur tugas-tugas yang harus dijalankan secara bergiliran dengan jumlah 4 orang, misalnya membersihkan bilik. Kegiatan itu harus dijalankan setiap hari, apabila ada diantara mereka tidak melaksanakan aturan, akan dikenakan hukuman. Masalahnya, sebagian besar tidak mau menerima dan melakukan tugas yang diberikan, walaupun semua keputusan dibuat oleh klien sendiri. Dalam proses penerimaan, klien pada dasarnya tidak dapat menerima realiti bahawa diri mereka 'diselamatkan', dan 'masuk ke dalam pusat pemulihan'.

Masalah yang utama dalam tahap penerimaan bagi klien adalah adanya sikap tidak menerima terhadap cara yang dilakukan dengan melalui sistem razia, dan keputusan mahkamah yang menyebabkan mereka merasa ditahan seperti di dalam penjara. Masalah lain sebagai akibat razia dan keputusan mahkamah ialah 1) penghasilan mereka terputus, besar kemungkinan kehidupan keluarga akan terjejas, 2) bagi mereka yang telah mempunyai anak, terpaksa di tinggalkan sehingga terputus kasih sayang seorang ibu, 3) kebiasaan hidup bebas bersama-sama teman yang selalu dinikmati dirasakan terampas.

#### **4. MASALAH DALAM ACARA PEMULIHAN SOSIAL**

Pemulihan sosial yang dilaksanakan mempunyai matlamat untuk memberikan pemulihan kepada wanita dan gadis yang mengalami masalah sosial, dan terdedah kepada bahaya moral. Untuk mencapai matlamat pemulihan sosial, program perkhidmatan sosial yang dilakukan mencakupi aspek fizikal dan mental seperti jagaan dan perlindungan, kaunseling dan bimbingan, pendidikan umum dan agama; bimbingan sosial kemasyarakatan seperti riadah, cuti balik ke rumah dan kunjungan keluarga; dan masalah latihan kemahiran untuk mendapatkan peluang kerja.

##### **4.1. Bimbingan Fizikal Dan Mental**

Bimbingan fizikal dan mental merupakan usaha untuk memenuhi keperluan asas hidup, yang dilakukan melalui kegiatan jagaan dan perlindungan, masalah kaunseling, kurang pendidikan agama. Masalah dalam bimbingan fizikal dan mental, menjadi asas yang penting dan utama dalam proses pemulihan sosial.

###### **1) Masalah Jagaan dan perlindungan**

Jagaan dan perlindungan bertujuan untuk memelihara keamanan dan kesihatan fizikal dari berbagai gangguan luar dan kelemahan pada diri klien.

Upaya yang dilakukan adalah menyediakan asrama, memberikan makanan, pakaian, perubatan, latihan kemahiran, sukan dan rekreasi (lihat, Bab 2. ).

Asrama adalah sebuah tempat tinggal yang dapat menjamin segala kemudahan, dan membolehkan seseorang individu yang menjadi penghuninya mendapat pendidikan dan latihan. Keadaan asrama di Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau, masih dianggap cukup memadai sebagai tempat tinggal. Kehidupan di asrama disusun dengan teratur, dan dihiasi dengan taman bunga yang baik agar mempunyai kesan positif kepada kehidupan para klien (Lampiran 2). Namun masih ada menampakkan masalah-masalah seperti di Mulya Jaya klien ditempatkan satu rumah dengan 10 orang, sehingga tidak mencukupi bilik untuk tidur, jadi terpaksa bilik rehat dijadikan bilik tidur (Lampiran 2). Untuk di Taman Seri Puteri Rembau kehidupan asrama seperti bilik-bilik penjara dan bagi hukuman khas yang pernah melarikan diletakkan juga pada tempat kecil dengan tidak diberikan tilam, pandangan klien, kehidupan seperti ini adalah sama dengan penjara.

Keperluan hidup yang asas seperti makanan, pakaian dan rawatan kesihatan yang disediakan pusat pemulihan Mulya Jaya dan Taman Seri Puteri Rembau agak berbeza. Makanan disiapkan sendiri oleh klien secara bergiliran mengikut agenda tugas kelompok (Lampiran 2). Pengamatan menunjukkan bahawa makanan sama-sama diberikan tiga kali sehari. Namun, kualiti makanan yang disediakan di Taman Seri Puteri Rembau lebih baik (campur 2 kali minum),

dibandingkan dengan di Mulya Jaya. Pakaian seragam hanya ada di Taman Seri Puteri Rembau, sedangkan di Mulya Jaya tidak disediakan. Rawatan kesihatan disediakan di dalam pusat pemulihan, dan dalam keadaan tertentu (emergency) klien dapat dikirim ke hospital.

## 2) Masalah Kaunseling

Satu upaya pemulihan sosial kini sering lebih menekankan kaunseling sebagai satu kaedah untuk membantu klien yang menghadapi berbagai masalah serta membimbing ke arah satu jalan penyelesaian masalah. Kaunseling dan bimbingan yang dilakukan di kedua pusat pemulihan, mempunyai matlamat untuk mengubah sikap dan kelakuan mereka yang tidak sesuai dengan nilai-nilai dan norma masyarakat, memastikan masalah dan memikirkan bagi penyelesaian masalah. Kegiatan ini menjadi perhatian kaunselor dan pekerja sosial di kedua pusat pemulihan ini untuk memastikan setiap langkah dianggap sesuai, agar klien mampu mengawal diri serta memanfaatkan segala bentuk kegiatan pusat pemulihan sosial.

Penekanan kepada bimbingan dan kaunseling sebagai satu alat penting yang digunakan untuk tujuan pemulihan mental, dan membangkitkan ketahanan diri untuk mengubah sikap dan tingkah laku klien agar mempunyai ciri-ciri yang baik bila keluar dari pusat pemulihan. Kaunseling ini penting, kerana sebelum klien masuk, tidak bisa membezakan mana yang baik dan buruk. Oleh itu, penekanan utama kaunseling adalah penghayatan nilai-nilai murni yang baik

melalui kegiatan dan pengaturan diri dalam pekerjaan, pembentukan tingkat kesabaran dan percaya diri.

Pelaksanaan kaunseling di kedua pusat pemulihan sosial, dilakukan dengan kaedah yang sama, iaitu bimbingan kelompok dan individu. Di Mulya Jaya, bimbingan kelompok dilakukan dengan 'group session' yang bertujuan untuk memperkenalkan program pusat pemulihan sosial dan membahas masalah secara bersama antara kaunselor dengan klien dengan topik yang telah ditentukan. Pelaksanaan selalu dilakukan dalam bilik masing-masing yang diberikan oleh pembimbing kelompok itu. Atau dilakukan secara beramai-ramai pada saat berbaris sebelum masuk kelas masing-masing. Dalam perbincangan kelompok, terlihat bagaimana tingkat kemampuan dan kemauan klien dalam rangka menerima program pusat pemulihan sosial dan penyertaan mereka dalam menyelesaikan masalah masing-masing. Kegiatan ini dilakukan setiap hari Jumat dengan penyeliaan dari Pekerja Sosial yang profesional di Mulya Jaya dan Pem. Pembangunan Masyarakat di Taman Seri Puteri Rembau. Bimbingan individu dilakukan dengan perbincangan kes (Case Conference).

Dalam bimbingan dan kaunseling, terdapat beberapa masalah. Pertama, secara individu, terdapat keengganan klien untuk berjumpa dengan kaunselor. Keadaan ini tidak bermaksud klien tidak mau mendapatkan pertolongan untuk mengatasi masalah, tetapi lebih merupakan keengganan untuk berjumpa kaunselor. Keengganan seperti ini memerlukan satu bentuk kaunseling yang

proaktif, iaitu dengan mengenal pasti dan menggalakkan klien datang dari rumah reaktif dengan menunggu klien datang untuk mendapatkan rawatan. Kedua, berkaitan dengan masalah yang pertama, dalam bimbingan kelompok, ada kelemahan pada kemampuan petugas untuk menjalankan bimbingan kelompok. Peranan nilai dan dalam budaya kerja petugas yang lebih reaktif daripada proaktif, mempengaruhi cara kaunseling.

### 3) Kurang Pendidikan Agama

Pendidikan umum bertujuan untuk meningkatkan daya pengertian mereka untuk menulis, berhitung dan membaca iaitu yang merupakan suatu dasar dalam sistem pendidikan. Sebagian daripada klien yang sudah berpendidikan diharapkan dapat meningkatkan lagi tingkat pengetahuan mereka selama tinggal dalam lembaga, agar dapat bermanfaat di dalam menjalani kehidupan mereka nanti di masyarakat. Pendidikan agama dan etika perlu sebagai suatu pegangan hidup sesuai dengan ajaran agama, bertujuan untuk membina mental dan moral pelatih agar menjadi manusia yang bertaqwa kepada Tuhan. Namun, didapati waktu untuk pendidikan agama lebih sedikit dibandingkan dengan waktu untuk kegiatan pendidikan umum, latihan kemahiran, dan kegiatan lainnya.

Pelaksanaan kegiatan pendidikan (umum dan agama) di kedua tempat pemulihan ini berbeza. Kurikulum dalam sistem pendidikan di Mulya Jaya, hanya dalam masa 6 bulan terbagi menjadi 4 kelompok bimbingan dan latihan

ditambah kurikulum tambahan dengan dengan .

dibagi menjadi 4 (empat) kelompok materi bimbingan dan pelatihan. Sedangkan di Taman Seri Puteri Rembau pendidikan selama tiga tahun, hanya diberikan sebagai pengetahuan agama di dalam kelas. Tidak ada praktik yang dilakukan bersama, seperti sembahyang jamaah di Surau. Pendidikan agama juga sangat bergantung kepada seorang guru agama sambilan.

Di Indonesia selain dari materi kurikulum bimbingan dan latihan, ada kurikulum tambahan dalam pembinaan mental, khususnya pembinaan agama sebanyak 384 jam. Kegiatan ini terdiri dari pemberian ceramah, teori dan praktik ibadah sholat, membaca Al-Qur'an, dan pembinaan kelompok kecil, dengan masing-masing kegiatan 96 jam. Dalam pembinaan mental, pendidikan penghayatan dan pengamalan Pancasila (P4) menekankan pentingnya sebagai pedoman umum dalam berbangsa dan bernegara bagi seluruh rakyat Indonesia.

Masalah di kedua pusat pemulihan sosial ini menunjukkan bahwa pendidikan agama masih kurang. Jumlah jam pendidikan agama dalam kurikulum lebih sedikit dibandingkan dengan jumlah jam pendidikan umum. Sedangkan pendidikan agama sangat penting, diantaranya untuk menumbuhkan disiplin klien dalam berbagai kegiatan di dalam pusat pemulihan. Di Mulya Jaya, masalah kurang pendidikan agama menyebabkan kepatuhan klien kurang kepada petugas. Di Taman Seri Puteri Rembau keadaan lebih baik dibandingkan dengan Mulya Jaya. Namun, kaunseling dan bimbingan secara

mental sangat kurang menekankan kepada ... n  
agama terhad hanya di dalam kelas, sedangkan Mesjid kurang berfungsi.  
(Lampiran 2).

#### **4.2. Bimbingan Sosial Kemasyarakatan**

Bimbingan sosial kemasyarakatan bertujuan untuk menekankan sikap serta semangat setiakawan, bekerjasama serta bertanggung jawab, bukan hanya di dalam pusat pemulihan, tetapi juga di masyarakat. Kegiatan yang dijalankan adalah riadah, pemberian cuti balik ke rumah, dan kunjungan keluarga.

##### **1) Riadah**

Riadah adalah satu bentuk kegiatan sosial yang dilakukan klien melalui kegiatan sukan, kompiang dan panca ragam yang dijemput oleh masyarakat. Dalam kegiatan ini, klien menunjukkan kemampuan dalam bidang tertentu (sukan atau kompiang), sehingga mereka merasa mendapat pengakuan dan penghargaan dari masyarakat. Riadah yang kegiatannya keluar hanya wujud di pusat pemulihan Taman Seri Puteri Rembau, sedangkan di Mulya Jaya kegiatan ini dalam bentuk kesenian dan sukan. Kesenian berupa qasidah, gamelan, angklung. Sukan Volly ball, hanya dilakukan di dalam pusat pemulihan saja kerana waktu pendidikan singkat (6 bulan sahaja). Masalahnya ada kesan masyarakat yang belum menerima kehadiran atau untuk bergaul dengan mereka.

## 2) Cuti ke rumah

Pemberian cuti untuk balik ke rumah orang tua dan keluarga hanya ada dan diberikan di Taman Seri Puteri Rembau. Cuti seperti ini hanya diberikan untuk keutamaan bagi klien yang keluarga atau orang tuanya ada yang sakit atau meninggal. Bagi klien yang berkelakuan baik, diberikan juga peluang untuk cuti ke rumah, terutama pada masa hari raya dan apabila ada keperluan keluarga, misalnya kenduri (Lampiran 4). Di Mulya Jaya cuti tidak diberikan, sebab masa pendidikan singkat (hanya 6 bulan). Walaupun demikian, apabila ada keperluan yang mendesak seperti kematian orang tua, klien diberikan cuti dalam beberapa hari. Sebab selalu terjadi penipuan-penipuan yang mengatakan orang tua meninggal tetapi semua itu kebohongan belaka. Atau selalu memperpanjangkan cuti atau tidak mau kembali lagi ke Pusat pemulihan.

## 3) Kunjungan keluarga

Sewaktu menjalani pemulihan, dorongan dari keluarga amatlah penting. Hubungan erat antara keluarga dan klien menjadi faktor yang penting untuk memulihkan mereka. Karena itu keluarga yang berkemampuan boleh melawat klien, baik di Taman Seri Puteri Rembau dan Mulya Jaya. Di Taman Seri Puteri Rembau, sekurang-kurangnya satu bulan sekali, sedangkan di Mulya Jaya lawatan keluarga setiap hari Rabu. Di dalam pertemuan itu waktu diberikan hanya satu jam untuk berbual antara klien dengan keluarga. Barang-barang

yang diberikan oleh keluarga. Sebelum barang itu disampaikan kepada klien, sebab ditakutkan ada barang yang dibawa oleh keluarga tidak boleh diberi kepada klien, seperti rokok dan dadah. Inilah yang menjadi masalah dalam kesempatan apapun pihak orang tua atau keluarga selalu memberikan barang-barang yang dilarang oleh pusat pemulihan.

Walaupun petugas sangat teliti memeriksa barang bawaan, masih ada juga kedatangan klien yang merokok. Namun demikian, ada juga keluarga yang tidak mampu untuk datang melawat karena faktor kewangan atau tempat tinggal yang jauh, mereka hanya mengirim surat sahaja. Surat itupun akan dibaca oleh petugas terlebih dahulu sebelum diberikan. Dengan adanya peluang melawat atau berkirim surat, hubungan baik antara keluarga dan klien tetap terjamin, dan klien juga akan merasa bahawa diri mereka masih diterima oleh keluarga.

Dalam pelaksanaan kunjungan keluarga klien, terdapat masalah kurang waktu dalam kunjungan keluarga. Bagaimanapun, kegiatan riadah, cuti balik ke rumah, dan kunjungan keluarga bermanfaat bagi personaliti klien. Di kedua pusat pemulihan, kunjungan keluarga penting untuk melepaskan rasa rindu, kalau ada keluarga yang datang berkunjung. Penilaian ini berdasarkan kepada anggapan bahawa klien merasa di dalam pusat pemulihan, seperti di dalam penjara yang terasing dari keluarga. Keadaan ini dirasakan kurangnya hubungan yang berasaskan kasih sayang, terutama dengan orang tua dan saudara-mara.

### **4.3. Latihan Kemahiran**

Pelaksanaan program pemulihan sosial di kedua pusat pemulihan ini sangat mengutamakan latihan kemahiran kepada para klien. Penekanan ini disebabkan dua faktor. Pertama, Latihan kemahiran merupakan kemampuan asas sebagai bekal untuk mencari dan mendapatkan penghasilan yang halal dalam kehidupan masyarakat sekarang. Kedua, berkaitan dengan dasar kerajaan yang dewasa ini lebih menumpukan kepada kemajuan sektor perindustrian, menyebabkan latihan kemahiran juga diutamakan di dalam pusat pemulihan sosial.

Sesuai dengan perkembangan era perindustrian masa kini, keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam bidang industri tertentu semakin nyata. Oleh itu, latihan kemahiran di kedua pusat pemulihan sosial berusaha menyesuaikan sistem dan program latihan kemahiran dengan keperluan perindustrian. Kedua lembaga ini memberikan berbagai macam bentuk kemahiran praktikal.

Latihan kemahiran di kedua pusat pemulihan ini, dapat dilihat dalam dua bentuk, iaitu kemahiran asas, seperti menjahit dan memasak; dan kemahiran pilihan yang lain dapat dilaksanakan sesuai dengan keperluan dan kerjasama dengan pihak luar pusat, seperti syarikat dan organisasi sosial. Semua bentuk latihan kemahiran ini tidak lagi dijalankan sepenuhnya oleh pusat, tetapi juga

mementingkan kerjasama dengan berbagai pihak luar (kerajaan maupun swasta).

#### 1) Kemahiran asas

Kemampuan menjahit dan memasak merupakan kemahiran asas bagi semua klien dalam pusat pemulihan. Kedua bentuk kemahiran asas ini dianggap paling sesuai dengan hakikat kewanitaan. Oleh itu, klien diarahkan untuk mengikuti latihan kemahiran menjahit dan memasak. Namun, klien mempunyai hak untuk memilih bentuk latihan kemahiran yang dianggap sesuai dengan minat dan bakat mereka. Tetapi masalahnya faktor pendidikan yang merupakan penghambat bagi klien untuk maju dan berkembang, sebab walaupun ada bakat dan minat untuk memilih bidang itu, tetapi kemampuan mereka untuk menerima agak sukar.

Dalam pelaksanaannya, tidak semua klien memilih bidang asas ini. Misalnya, di Mulya Jaya, banyak yang lebih suka memilih latihan kemahiran menjahit dan tata rias rambut (salon) daripada high speed dan baby sitter, kerana berkaitan dengan bakat dan peluang kerja. Sedangkan di Taman Seri Puteri Rembau, banyak yang memilih latihan elektronik dan menjahit. Latihan elektronik menjadi pilihan, kerana klien dapat terus mendapat wang, dan kemudahan untuk siap kerja. Masalahnya kalau pihak pusat mengikuti kemauan klien, mereka akan mengalami kesukaran, kerana ada yang tidak mengerti berhitung atau membaca, sehingga tidak berhasil. Bagaimanapun, setiap

bidang kemahiran, para klien untuk sentiasa mengira dan membaca, belajar anatomi tubuh manusia.

## 2) Kerjasama Dan Stigma Sosial

Berdasarkan kerjasama dengan pihak luar pusat pemulihan, latihan kemahiran yang dijalankan dapat memberikan manfaat kepada kedua belah pihak, pusat maupun syarikat/organisasi swasta. Di Mulya Jaya misalnya, latihan 'mesin high speed' berkaitan dengan peluang kerja di syarikat garment; tata rias muka dan rambut dengan salon; catering dan baby sitter dengan syarikat tenaga kerja. Program kerjasama ini sangat perlu bagi penyaluran kerja, dan persiapan perkahwinan para klien. Di Taman Seri Puteri Rembau, kemahiran elektronik dijalankan sesuai dengan kerjasama dengan syarikat swasta elektronik tempatan, yang semua kemudahan dan tenaga pengajar disediakan oleh syarikat. Bagaimanapun, kerjasama dengan pihak luar sangat membantu dan memudahkan para klien yang setelah selesai pendidikan untuk bekerja.

Masalah dalam pelaksanaan kegiatan latihan kemahiran di kedua pusat pemulihan sosial, diantara yang penting ialah pada penyaluran kerja. Banyak klien yang belum dan tidak dapat pekerjaan, terutama di Mulya Jaya dibandingkan dengan Taman Seri Puteri Rembau. Keadaan peluang kerja di Jakarta, mengutamakan calon pekerja yang mahir dan tidak mempunyai stigma

bekas pelacur. Walaupun pusat pemulihan merahasiakan status dan keadaan klien, tetapi walaupun lambat, persekitaran kerja akan tahu juga.

Dari huraian di atas, masalah dalam pelaksanaan kegiatan program pemulihan sosial, diantara yang dilakukan dengan falsafah dan asas yang sama, iaitu undang-undang dan peraturan pemerintah daerah. sistem razia ditujukan untuk menyelematkan, sebagai usaha untuk menegakkan undang-undang. Sistem kemasukan ke pusat pemulihan tanpa dan melalui keputusan mahkamah baik kolektif maupun perseorangan.

Walau bagaimanapun, masalah dalam setiap tahap kegiatan masih wujud. Dari tahap awal, seperti razia atau penangkapan dengan menggunakan polis, perlindungan dan jagaan dirasakan seperti di dalam penjara, klien masih enggan menggunakan khidmat kaunseling, pendidikan agama masih kurang, penggunaan bimbingan sosial kemasyarakatan kurang kasih sayang, dan masih ada stigma sosial dalam penyaluran kerja. Dengan demikian, masalah dalam sistem pemulihan sosial bagi pelacuran menunjukkan kurang menekankan kepada pendekatan kemanusiaan dengan memperhatikan aspek hak-hak azasi manusia, dan prinsip menghargai martabat kemanusiaan.